




KAMAR PENASIHAT UNDANG-UNDANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 4, PODIUM UTARA,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40512 SHAH ALAM

Telefon : 03-5544 7190 (Kaunter)
: 03-5544 7194 (Pentadbiran)
: 03-5544 7183 (Sivil)
: 03-5544 7191 (Pengambil Tanah)
: 03-5510 5151 (PUU)
: 03-5521 2248 (Guaman)
Faks : 03-5510 1775

PKNS/UND/AM/
05-P.AM/2005 Jld. 4

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : 315/10/2013(SRM)
Tarikh : 18 Oktober 2013



Pn. Hajah Norita Bt. Mohd Sidek

Setiausaha Kerja

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

Tingkat 2-9, Mehara HPAIC Laman Seri Business Park,

No. 7 Persiaran Sukan, Seksyen 13,

40100 Shah Alam

Puan,

**PERLANTIKAN AHLI-AHLI PERBADANAN BAGI PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
SELANGOR (PKNS)**

-Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 6.2.2013

Dengan segala hormatnya Kamar merujuk kepada perkara di atas dan surat puan bertarikh 26.9.2013 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kamar telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh pihak tuan berkenaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang ke 5/2013 bertarikh 6.2.2013 yang telah disahkan oleh MMKN ke 6/2013 pada 13.2.2013. Merujuk kepada keputusan tersebut, MMKN telah meluluskan perlantikan Ahli-ahli perbadanan di bawah seksyen 4(1)(d) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 selama 2 tahun yang berkuatkuasa mulai 11.2.2013 di mana Keputusan tersebut telah dibuat sebelum Pilihanraya Umum ke-13 (PRU13). Ahli-ahli Perbadanan yang dilantik adalah seperti berikut:

- i. Y.B Puan Teresa Kok Suh Sim
Ahli Dewan Negeri Kinrara
- ii. Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
Ahli Dewan Negeri Chempaka
- iii. Y.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
Ahli Dewan Negeri Bukit Antarabangsa

3. Merujuk kepada surat puan bertarikh 26.9.2013, terdapat dua isu yang dikemukakan oleh pihak puan seperti berikut:

3.1 Samada keputusan MMKN atas perantikan Ahli-ahli perbadanan bertarikh 6.2.2013 yang dibuat sebelum Pilihanraya Umum ke-13 masih lagi terpakai selepas keputusan Pilihanraya Umum ke-13;

3.2 Samada perantikan Ahli-ahli perbadanan yang bukan dari kalangan EXCO Kerajaan Negeri adalah sah dari segi undang-undang.

4. Merujuk kepada **isu pertama** iaitu samada keputusan MMKN yang dibuat sebelum PRU13 masih lagi terpakai selepas keputusan PRU13, Kamar merujuk kepada seksyen 4(2) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 yang memperuntukan seperti berikut:

“4.(2) Ahli Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 4(1)(d), hendaklah melainkan beliau meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya telah ditarik balik, memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk perantikan semula;

Dengan syarat jika ahli itu meletakkan jawatan atau perlantikannya ditarik balik lebih awal seorang lain boleh dilantik untuk menggantikannya untuk baki tempoh bagi ahli yang telah digantikan itu.”

5. Berdasarkan kepada peruntukan di atas, ahli perbadanan yang dilantik akan terus memegang jawatan sebagai ahli perbadanan sehinggalah jawatan tersebut ditarik balik atau

beliau sendiri meletakkan jawatannya terlebih dahulu. Oleh itu, dalam hal ini, Kamar berpandangan bahawa perlantikan ahli perbadanan yang diputuskan oleh MMKN yang ke 5/2013 bertarikh 6.2.2013 masih lagi berkuatkuasa walaupun selepas keputusan Pilihanraya Umum dibuat sehinggalah jawatan tersebut ditarik balik atau ahli perbadanan itu sendiri meletakkan jawatannya. Kamar juga berpandangan bahawa keputusan MMKN tersebut adalah keputusan yang sah dan berkuatkuasa selagi ianya tidak dibatalkan oleh MMKN.

6. Merujuk kepada isu kedua iaitu samada perlantikan Ahli-ahli perbadanan yang bukan dari kalangan EXCO Kerajaan Negeri sah dari segi undang-undang, Kamar merujuk kepada subseksyen 4(1)(d) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 yang memperuntukkan:

“4.(1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada:

- (a) seorang Pengerusi, iaitu seseorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar, Selangor;**
- (b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Selangor;**
- c) dua orang Ahli ex-officio, iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri dan Jurutera Negeri, Selangor.**
- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari kalangan orang-orang yang pada pandangan beliau berkelayakan oleh sebab mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan bank, pembuatan, perumahan, perdagangan, kewangan, professional atau pentadbiran, atau dengan cara lain sesuai untuk perlantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka:”**


7. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 tidak memperuntukkan bahawa ahli-ahli perbandanan yang dilantik hendaklah

terdiri daripada Exco Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kamar berpandangan bahawa perlantikan ahli-ahli perbadanan sebagaimana keputusan MMKN bertarikh 6.2.2013 adalah sah dari segi undang-undang selaras dengan peruntukkan subseksyen 4(1)(d) Enakmen dan jawatan tersebut hendaklah berkuatkuasa mulai pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATIN PADUKA ZAUYAH BE BINTI T. LOTH KHAN)

Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.